

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Wednesday, February 26, 2020 3:37 PM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Cc: Roslee bin Mardan; Mohd Farizal Bin Rahim
Subject: "BANTU HEP, BANTU UNIVERSITI, BANTU RAKAN-RAKAN DENGAN ILMU AGAMA YANG ADA"



26 FEBRUARI 2020, KHAMIS | 2 REJAB 1441H

"BANTU HEP, BANTU UNIVERSITI, BANTU RAKAN-RAKAN DENGAN ILMU AGAMA YANG ADA"

Oleh: Mohd Farizal Rahim



Demikian intipati ucapan yang disampaikan oleh Yang Berusaha Dr. Massudi Mahmuddin, Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dalam Majlis Ramah Mesra Bersama Pelajar Saluran Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Majlis yang berlangsung di Dewan Auditorium Pusat Penginapan Pelajar (SAC) dihadiri seramai 60 orang pelajar yang terdiri daripada lepasan STAM. Majlis dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP). Menurut beliau, pelajar UUM dari saluran STAM memiliki keupayaan tersendiri kerana memiliki asas ilmu agama yang dipelajari di peringkat sekolah menengah. Oleh demikian amat penting bagi mereka untuk membantu JHEP khususnya dalam mengenalpasti pelajar yang memerlukan aspek kebajikan dan kerohanian. Katanya;

"Sebagai pelajar yang mempunyai asas ilmu agama, penglibatan saudara-saudari membantu HEP menangani masalah rakan-rakan pelajar lain yang stress atau depression sangat penting. Ini memastikan rakan-rakan pelajar yang bermasalah tersebut dapat meneruskan pengajian dengan baik".

Beliau turut menyarankan agar pelajar saluran STAM mengemukakan idea yang boleh membantu menghasilkan program-program pembangunan kerohanian terutama di kalangan pelajar muslim.

“Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai orang Islam apatah lagi yang mempunyai ilmu agama untuk membantu saudara kita dalam memantapkan ilmu kefahaman Islam. Saudara-saudari mempunyai keistimewaan itu dan perlulah dipraktis dan dijadikan sebagai usaha dakwah kecil”.

Selain itu, Dr. Massudi turut menyarankan agar pelajar yang mempunyai kelebihan dari segi ilmu agama perlu memainkan peranan membantu pelajar yang susah dari segi kewangan. Ini boleh dilakukan dengan memberi khidmat kaunseling, program kebajikan dan aktiviti-aktiviti pemantapan ilmu, serta keusahawanan Islam.

Terdahulu, dalam ucapan aluan, Pengarah Bahagian Pembangunan Pelajar (B2P), Encik Roslee Mardan menyatakan bahawa pelajar STAM perlu diberi galakan dan hendaklah mempunyai aktiviti yang dirancang khusus untuk mereka. Ini kerana setelah mereka memasuki universiti dan mengambil program yang tidak secara langsung berkonsepkan keagamaan, pelajar terlepas dari ikatan radar keilmuan agama. Oleh itu, mereka perlu terus dibimbing dan dilatih untuk memantapkan aktiviti pembangunan kerohanian. Mereka boleh terus aktif dalam badan-badan pelajar yang sedia ada di JHEP.

Majlis yang berlangsung selama dua jam itu dihadiri oleh Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan, Ustaz Zar' Ei Zakaria, Staf Bahagian Pembangunan Pelajar dan Sekretariat Pelajar Kerohanian.

Sekian.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.